

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @
TAMBAT [LUBOK ANTU]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [LUBOK ANTU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah yang perlu diambil bagi membantu meningkatkan kualiti hidup warga emas dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah baik sistem pemilihan bantuan agar dapat dinikmati golongan sasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa berusaha bagi membantu meningkatkan kualiti hidup warga emas di negara ini melalui pelbagai inisiatif berbentuk khidmat sokongan sosial, bantuan dan kebajikan kepada warga emas. Perkhidmatan sedia ada yang disediakan oleh KPWKM adalah seperti berikut:

- a) Sehingga September 2020, JKJ telah menyalurkan **Bantuan Orang Tua (BOT)** kepada **136,758** orang warga emas yang melibatkan peruntukan kewangan sebanyak **RM432,000,000**.

SOALAN NO : 15

- b) Sehingga Oktober 2020, seramai **1,372** warga emas tinggal di sembilan (9) buah **Rumah Seri Kenangan (RSK)**.
- c) Sehingga Oktober 2020, seramai **219** warga emas tinggal di dua (2) **Rumah Ehsan (RE)**.
- d) Sebanyak **132 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)** telah diwujudkan di seluruh Malaysia memberi manfaat kepada **42 ribu orang** warga emas.
- e) 5Sehingga Oktober 2020, terdapat seramai **1,992** sukarelawan yang telah memberi **Khidmat Bantu di Rumah (Home Help Services)** kepada seramai **5,826** warga emas.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mendepani cabaran negara tua menjelang 2030, Kerajaan melalui KPWKM juga telah merangka beberapa inisiatif baharu bertujuan untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan warga emas seperti berikut:

- i. Menambah baik Pelan Tindakan Warga Emas;
- ii. Menggubal Rang Undang-Undang Warga Emas (RUU Warga Emas);
- iii. Mewujudkan penjagaan jangka panjang warga emas (LTC);
- iv. Menggalakkan Modul Penjagaan Warga Emas (NOSS); dan
- v. Pewujudan *age-friendly city* atau bandar mesra usia secara rintis di Taiping, Perak.